

=PARLIMEN

# MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

**HARI RABU: 23 JUN 2010**

CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 9 HINGGA 57)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK  
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SIDEK  
CAW. PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA

**SOALAN NO : 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARI PAD A** Y.B.TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN  
[HULU TERENGGANU]

**TARIKH :** 23JUN2010

**SOALAN**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU]**  
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah  
pencegahan bagi mengelakkan kerosakan Jalan Aring - Tasik Kenyir-  
Kuala Berang.

)

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Aring -Tasik Kenyir - Kuala Berang adalah merupakan sebahagian daripada jajaran Projek Jalan Raya Simpang Pulai - Lojing - Gua Musang - Kuala Berang di bawah Pakej 6, 7 dan 8. Jalan ini menghubungkan Aring di Kelantan dan Kuala Telemong di Terengganu. Pakej 6 menghubungkan Aring ke Jambatan Pasir Pulau dan pakej 7 menghubungkan Jambatan Pasir Pulau ke Kampung Teris. Manakala pakej 8 menghubungkan Kampung Teris ke Kuala Telemong. Ketiga-tiga pakej ini melibatkan pembinaan jalan baru dan naiktaraf jalan sepanjang 130.9 kilometer. Status bagi pakej 6 dan 8 adalah masih dalam pembinaan manakala pakej 7 telah siap dibina.

Kementerian telah mengenalpasti kerosakan yang berlaku di beberapa lokasi tertentu bagi laluan ini adalah berpuncanya daripada kejadian hujan lebat semasa musim tengkujuh yang lalu dan juga lebihan muatan kenderaan berat yang melalui laluan tersebut. Sebahagian lokasi yang terlibat adalah terletak dalam kawasan projek menaiktaraf laluan di bawah Pakej 6 di mana kerja-kerja telah dan sedang dibaikpulih oleh kontraktor yang bertanggungjawab. Manakala bagi Pakej 7 kerja-kerja penyenggaraan telah dibaikpulih oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Hulu Terengganu secara *reconstruction*.

Sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan kerosakan jalan tersebut terus berlaku, pihak Kementerian telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi berisiko tinggi di mana berlaku kerosakan;
- (ii) melaksanakan kerja-kerja tampalan lubang (pothole) di kawasan yang tidak kritikal dari semasa ke semasa; dan
- (iii) melaksanakan kerja-kerja pemasangan kanvas untuk menutup tanda-tanda kegagalan cerun bagi mengelakkan kerosakan bertambah kritikal.

Pihak Kementerian juga telah memaklumkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya menjalankan penguatkuasaan ke atas kenderaan berat melebihi muatan yang melalui kawasan tersebut. Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian akan mencadangkan agar satu Stesen Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan yang mengandungi stesen jambatan timbang dibina di laluan berkenaan bagi memudahkan JPJ melaksanakan penguatkuasaan.

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH                    23.06.2010

**SOALAN:**

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha yang akan diambil terhadap padang Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Razali yang rendah sehingga ditenggelami air apabila hujan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Isu berkaitan padang Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ahmad Razali telah dibangkitkan oleh ahli yang Berhormat beberapa kali. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli yang Berhormat terhadap perkara tersebut demi memastikan keperluan murid-murid untuk melaksanakan aktiviti luar bilik darjah berjalan dengan kondusif. Sehubungan itu, KPM telah mengenalpasti masalah padang yang dibangkitkan dan membuat perkiraan kos penyelenggaraan untuk baik pulih yang dianggarkan sebanyak RM300 ribu ke RM400 ribu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat atas kemampuan peruntukan kewangan yang ada, pada tahun 2008 KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM100 ribu bagi menyelenggara padang berkenaan. Walau bagaimanapun peruntukan tersebut tidak dapat membaik pulih sepenuhnya. Memandangkan kekangan kewangan semasa, KPM tidak dapat menyediakan peruntukan untuk menyambung pembaikan padang

tersebut. Walau bagaimanapun, KPM akan berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi. KPM juga mengharapkan Ahli Yang Berhormat dapat memberi sumbangan bagi mengatasi masalah yang dihadapi ini.

Rjm 46

## **SOALAN NO: 11**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A                    DATO'LILAH BIN YASIN  
                                      [JEMPOL]**

**TARIKH                        23 JUN 2010**

**SOALAN**

**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan peneroka FELDA yang mengidap penyakit kronik pada tahun 2009 dan apakah jenisnya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Data dari Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa penyakit kronik yang sering dihidapi oleh rakyat Malaysia adalah penyakit kanser, penyakit jantung, diabetes (kencing manis) dan darah tinggi.

Kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia setiap 10

tahun (NHMS- National Health Morbidity Survey) bermula tahun 1986, 1996 dan 2006. Hasil kajian NHMS III (1996) menunjukkan terdapat peningkatan penyakit iaitu prevalen penyakit kencing manis meningkat

daripada 6.3% (1986) ke 14.9% (2006) manakala prevalen hipertensi meningkat daripada 14.4% (1986) kepada 42.6% (2006).

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapat maklumat mengenai bilangan peneroka FELDA yang mengidap penyakit kronik daripada Pegawai Tadbir Komuniti & Koordinasi di setiap Wilayah Felda. Adalah didapati penyakit yang sering dihadapi oleh peneroka Felda adalah penyakit darah tinggi di kebanyakan Wilayah Felda diikuti oleh penyakit kencing manis, penyakit jantung (ischaemic heart disease), kanser dan mental (sila lihat maklumat tambahan).

Semua Peneroka felda yang mengalami penyakit kronik boleh mendapatkan perkhidmatan di Klinik Kesihatan berdekatan di mana semua Klinik Kesihatan KKM telah dilengkapi dengan kemudahan untuk mengendalikan penyakit-penyakit kronik.

Soalan No : 12

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH : 23.06.2010

## **SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran

menyatakan mengapa Kementerian Pelajaran telah memberhentikan pengambilan guru-guru J-QAF mulai tahun 2010 ini. Sila jelaskan kedudukan sebenar guru-guru ini di sekolah-sekolah di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program j-QAF telah memasuki Tahun ke Enam sejak ia mula dilaksanakan pada Tahun 2005. Pada masa ini sebanyak 4,312 buah sekolah rendah telah melaksanakan program ini. Manakala jumlah guru yang telah dibekalkan oleh kementerian seramai 15,435 orang yang terdiri daripada lulusan opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di mana 13,120 orang telah dilantik sementara 2,315 orang masih dalam latihan dan dalam proses penempatan.

Kementerian Pelajaran Malaysia tidak menamatkan pengambilan guru-guru j-QAF pada Tahun 2010, hanya pengambilannya akan dimulakan pada bulan November ini setelah Kementerian mengemas kini dan menyemak semula unjuran dan keperluan guru j-QAF. Kementerian merancang akan meneruskan pengambilan guru-guru j-QAF sehingga keperluannya mencukupi di semua sekolah-sekolah seluruh negara.

Rjm 48

NO. SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

<b><u>RAKYAT PERTANYAAN</u></b>	<b>: LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH</b>
	<b>[JASIN]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>23 JUN 2010 (RABU)</b>

**SOALAN :**

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin) meminta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa di bawah MEB Kerajaan memilih GDP per kapita sahaja sebagai ukuran untuk melonjakkan Malaysia ke tahap negara maju sedangkan ukuran yang lebih lengkap, baik terpuji dan diiktiraf dunia telah pun ada 'Human Development Index' (HDI) serta mengapa menggunakan ukuran USD dan bukannya PPP USD.

**JAWAPAN:**

Model Ekonomi Baru (MBE) menggunakan GDP Per Kapita sebagai ukuran untuk melonjakan Malaysia ke tahap negara berpendapatan tinggi kerana ia merupakan kayu pengukur yang digunakan oleh Bank Dunia untuk mengkategorikan ekonomi berpendapatan tinggi berdasarkan pendapatan per kapita. Berdasarkan data 2008, Malaysia dikategorikan sebagai pendapatan sederhana tinggi (Upper Middle Income) kerana pendapatan per kapitanya terletak pada USD3.856 dan USD11,905. GDP per kapita akan terus digunakan untuk tujuan konsistensi kerana ia mengukur pencapaian dan kemajuan Malaysia dari segi pendapatan di masa hadapan. Human Development Index (HDI) adalah indikator komposit yang digunakan untuk mengukur tahap kemajuan sesbuah negara dari segi pembangunan modal insan. Aspek yang diberikan perhatian adalah meliputi jangka hayat dan pendidikan. Namun dalam Indeks kualiti Hidup Malaysia adalah lebih menyeluruh yang meliputi keterangkuman dan kemampanan dan tidak hanya merangkumi dua aspek HDI. Purchasing Power Parity (PPP) tidak digunakan kerana ia tidak memberi gambaran yang tepat mengenai kekayaan sesebuah

negara dalam konteks nominal.

**SOALAN NO. 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A                    TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH                        23 JUN 2010**

**SOALAN**

**Tuan Mohsin Fadzil bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

- (a) sejauh manakah kejayaan yang dicapai dalam membentras ketagihan merokok walaupun pelbagai gambar yang menakutkan dipamerkan pada kotaknya; dan
- (b) berapa ramaikah pengidap penyakit kanser yang disahkan akibat daripada tabiat merokok ini.





## **Tuan Yang DiPertua,**

Bagi membentras masalah merokok di kalangan masyarakat Malaysia, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi sejak awal tahun 1990an, di mana kesemua usaha ini dijalankan secara serentak, bersepada dan komprehensif agar dapat mencapai impak yang optimum. Antara lain, strategi-strategi ini termasuk;

1. Promosi anti-rokok yang lebih dikenali sebagai Kempen 'Tak Nak Merokok' dan juga Kempen Cara Hidup Sihat
2. Penyediaan Perkhidmatan Berhenti Merokok
3. Peningkatan cukai rokok & penetapan Harga Minimum Rokok (HMR)
4. Perundangan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau, yang melibatkan:
  - a. larangan merokok di tempat-tempat yang diwartakan;
  - b. larangan iklan dan promosi rokok;
  - c. kawalan pembungkusan dan pelabelan rokok, iaitu termasuk mempamerkan Amaran Kesihatan Bergambar (AKB) pada setiap kotak/ bungkusan rokok;
  - d. larangan merokok oleh Orang Belum Dewasa (OBD)

Penetapan samada usaha Kerajaan untuk membendung tabiat merokok telah berjaya ataupun tidak, perlu bersandarkan hasil kajian saintifik. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan beberapa penyelidikan untuk menilai beban merokok iaitu Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*National Health and Morbidity Survey- NHMS*) bagi mendapatkan maklumat ini.

Hasil perbandingan antara 2 kajian iaitu Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Kedua (NHMS2) pada 1996 dengan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Ketiga (NHMS3) pada tahun 2006 telah menunjukkan bahawa prevalen atau kadar merokok telah mengalami tren menurun sebanyak 3%. Kajian ini juga mengesahkan kadar bekas perokok yang telah meningkat dari 18.8% pada 1996 kepada 28.9% pada 2006. Dengan keputusan ini bolehlah diandaikan bahawa usaha-usaha Kerajaan yang terdahulu telah membawa hasil positif. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk kesan dari mewajibkan Amaran Kesihatan Bergambar (AKB) pada bungkusan rokok kerana strategi ini hanya mula diperkenalkan pada tahun 2009.

Sebanyak 6 imej/gambar kesan kesihatan akibat merokok digunakan iaitu; kanser tekak, kanser paru-paru, kanser mulut, gangren kaki, kelahiran pramatang dan keguguran. Hasil awal (*preliminary*) dari kajian terhadap impak AKB oleh penyelidik dari Pusat Racun Negara, USM menunjukkan bahawa gambar-gambar yang digunakan di Malaysia adalah sangat berkesan dalam menimbulkan emosi di kalangan perokok dan bukan perokok dari pelbagai lapisan umur. Ramai subjek yang dikaji, khususnya perokok, cuba mengelak dari memandang imej-imej yang menggerunkan itu termasuklah menggunakan kotak lain untuk mengisi rokok mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa golongan yang melakukan pelbagai usaha untuk mengelak dari melihat imej-imej AKB iniah yang paling ramai berhenti merokok.

**Tuan Yang DiPertua,**

Rokok dan asap rokok mengandungi lebih 4000 jenis bahan beracun yang mana lebih kurang 60 darinya adalah bahan karsinogenik atau racun

penyebab kanser.

Antara kanser/barah yang disebabkan oleh merokok adalah kanser paru-paru, kanser tekak, kanser mulut, kanser payudara, kanser serviks/pangkal rahim, kanser perut, kanser pankreas dan banyak lagi. Sejak tahun 2007, setiap tahun seramai lebih daripada 78,000 pesakit menerima rawatan di hospital Kerajaan kerana penyakit kanser, dan ini mengakibatkan tidak kurang dari 5,000 kematian yang disahkan secara perubatan (*medically certified deaths*).

Tidak kurang dari 90% dari kesemua kejadian kanser paru-paru adalah disebabkan oleh merokok. Setiap tahun sebanyak lebih 6,500 kemasukan ke hospital Kerajaan adalah kerana kanser paru-paru di mana 1,000 orang maut setiap tahun.

Merokok adalah amat merugikan. Ia mengancam nyawa manusia dan ekonomi secara am, selain menjelaskan struktur dan keharmonian sosial serta menjadi punca penting bagi kerosakan harta benda. Setiap anggota masyarakat khususnya para pemimpin mempunyai peranan dalam memastikan ancaman ini dapat dibendung dengan sebaik mungkin, dan bukan hanya mempertanggungjawabkan Kementerian Kesihatan sahaja.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
(LENGGONG)

TARIKH

23.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [ LENGGONG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) perancangan untuk mengurangkan bebanan guru daripada melaksanakan tugas hakiki; dan
- (b) apakah projek pembangunan pendidikan di bawah NKRA di kawasan Parlimen Lenggong.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Pada tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru sebagai usaha untuk mengenal pasti isu dan permasalahan bidang tugas dan tanggungjawab guru yang semakin meningkat. Hasil daripada kajian tersebut, Kerajaan telah meluluskan penambahan norma perjawatan guru KBSR di sekolah rendah dan guru KBM di sekolah menengah iaitu dari 1.5n kepada 1.7n yang dilaksanakan secara berperingkat. Perubahan norma perjawatan guru ini dijangka akan melibatkan pertambahan sebanyak 33,104 jawatan. Sejak tahun 2006 hingga 2010 sebanyak 11,674 jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 telah diwujudkan. Justeru itu, penambahan norma ini secara prinsipnya dapat membantu dalam mengurangkan jumlah waktu mengajar guru.

Selain itu, pada tahun ini KPM juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji masalah beban tugas guru yang merangkumi tugas dan tanggungjawab guru dalam pelbagai tugas dan kerja-kerja tambahan. Selain itu, Jawatankuasa Khas ini juga memberi fokus untuk mencadangkan langkah-langkah menangani beban tugas guru.

- (b) Pada masa ini tiada projek NKRA di kawasan Parlimen Lenggong. Walau bagaimanapun, banyak program seperti Program LINUS, Bai'ah, prasekolah telah dirancang oleh KPM secara menyeluruh untuk semua sekolah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM (BAYAN BARU)
TARIKH	<b>23.06.2010</b>

**SOALAN:**

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [ BAYAN BARU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai kesungguhan (political will) bahawa bersesuaian dan sejajar dengan Gagasan 1 Malaysia supaya sekolah-sekolah yang dibantu sepenuh atau separuh penuh oleh Kerajaan dilaksanakan pembelajaran satu aliran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan semua kaum bersesuaian dengan konsep 1 Malaysia. Pada masa yang sama, KPM melihat kepada aspek yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan negara dan tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah atau satu kawasan tertentu sahaja. Selaras dengan itu, KPM mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan murid dan ibu bapa pelbagai kaum serta memupuk perpaduan sejak awal persekolahan.

Di samping itu, pembelajaran Bahasa Ibunda Pelajar (POL) akan diperkuatkan dengan menyediakan guru berkelayakan dalam subjek Bahasa Mandarin dan

Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan di seluruh negara bagi menarik minat murid mempelajari mata pelajaran tersebut yang boleh didapati dari Sistem Pendidikan Kebangsaan tanpa perlu ke sekolah jenis kebangsaan.

Sehubungan itu, KPM berpandangan bahawa cadangan memperkenalkan sistem pendidikan satu aliran memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan daripada pelbagai pihak.

**PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA**

: **Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman**  
**[Pasir Salak ]**

**TARIKH**

: **23 JULAI 2010**

**SOALAN[17]**

: **Dato<sup>1</sup> Haji Tajuddin bin Abdul Rahman**  
**[Pasir Salak ]** minta **MENTERI LUAR**  
**NEGERI** menyatakan adakah YAB  
Perdana Menteri sedar bahawa  
lawatan beliau ke Amerika Syarikat  
dan pertemuan dengan Presiden  
Barack Obama tidak menjaskan  
hubungan luar Malaysia dengan  
negara-negara lain khususnya  
negara-negara Islam tetapi  
sebaliknya memberikan kejayaan  
besar kepada Malaysia khususnya  
dalam hubungan perdagangan dan  
kerjasama ekonomi. Apakah hasil  
lawatan tersebut?

**Jawapan:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapit diatas soalan yang telah dikemukakan. Dalam perkara ini, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Bachok 9 Jun 2010, soalan Yang Berhormat Pasir Salak bertarikh 23 Jun 2010 dan soalan daripada Yang Berhormat Balik Pulau bertarikh 5 Julai 2010, oleh sebab kesemua pertanyaan berkisar tentang lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak telah menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat.

YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Semasa perbincangan dua hala tersebut, kedua-dua pemimpin antara lain telah berbincang dan bersetuju untuk meningkatkan

hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan; pengajian tinggi; pelancongan; dan teknologi.

YAB Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk menjelaskan kepada Presiden Obama perkembangan dalam negara, termasuk pelancaran dasar Model Ekonomi Baru; usaha-usaha Kerajaan untuk menambah perdagangan dua hala serta menarik pelabur-pelabur asing, termasuklah dari Amerika Syarikat, serta Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik 2010 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada bulan April baru-baru ini.

Isu-isu lain yang dibincangkan ialah kerjasama memerangi dan membanteras pemerdagangan manusia dan keganasan antarabangsa; bantuan Malaysia kepada Afghanistan; pencalonan Malaysia untuk menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Rights Council*); Perkongsian Strategik Ekonomi Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Strategic Economic Partnership - TPP*); perlucutan senjata dan ketakcambahan nuklear, termasuk program nuklear negara Iran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai hasil lawatan, saya ingin memaklumkan bahawa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat telah banyak mendatangkan faedah kepada negara. Ini termasuklah berjaya meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan juga merapatkan hubungan di antara pemimpin kedua-dua negara.

Dalam perbincangan tersebut, jelas bahawa Kerajaan Amerika Syarikat melihat Malaysia sebagai rakan yang penting dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara ASEAN dan di

rantau Asia Tenggara.

Kerajaan AS juga menganggap Malaysia sebagai contoh negara Islam yang moden, progresif dan saling hormat-menghormati hak agama lain.

Presiden Obama telah menyatakan harapan agar Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting dalam dunia Islam dan membantu Amerika Syarikat dalam usaha mereka ke arah mendekati dunia Islam. Hasrat ini diterima baik oleh YAB Perdana Menteri dan dalam masa yang sama beliau turut memuji usaha pihak AS untuk merapatkan jurang dengan dunia Islam.

Lawatan YAB Perdana Menteri tersebut telah berjaya menarik minat syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat untuk melabur di Malaysia. Ini dapat dilihat dari pelaburan oleh beberapa syarikat gergasi Amerika Syarikat dalam bidang penyelidikan dan pembuatan berjumlah sebanyak RM 5 billion di Malaysia sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.  
Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana yang telah saya jelaskan tadi, penyertaan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak ke Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April

2010.

Jemputan Presiden Obama kepada YAB Perdana Menteri merupakan pengiktirafan Amerika Syarikat kepada Malaysia sebagai negara membangun yang dinamik dan berjaya. Sekiranya Malaysia tidak berjaya dan tidak dihormati dalam komuniti global, Presiden Obama tidak akan meluangkan masa untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan YAB Perdana Menteri, malah mungkin Malaysia tidak diundang sama sekali untuk menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington D.C.

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa tidak timbul soal Kerajaan Malaysia membayar mana-mana kumpulan lobi atau lain-lain pihak untuk menjayakan pertemuan antara YAB Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat.

Sekian Terima kasih

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>Y.B. DR. HIEW KING CHEU</b>
	<b>(KOTA KINABALU)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>23.06.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru Cina di sekolah rendah Cina di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan berusaha untuk memberi yang terbaik kepada masyarakat khususnya dalam sistem pendidikan. Begitu juga dengan bekalan guru-guru ke sekolah, KPM sentiasa memantau agar bekalan guru mencukupi dan memenuhi unjuran keperluan murid. Dalam usaha memastikan bekalan guru ini mencukupi, program atau ambilan calon guru sentiasa ditambah atau dikemaskini dari semasa ke semasa. Bekalan guru ini termasuk yang berada di SJK(C) dan SJK(T). Dalam memastikan bekalan guru ini mencukupi khususnya di SJK(C), KPM telah mengadakan pelbagai langkah seperti:

- i) Ambilan calon guru bagi program KPLI (SR) Mode Sepenuh Masa.
- ii) Ambilan calon guru bagi program KPLSPM Mode Sepenuh Masa.
- iii) Ambilan calon guru program KPLI-KDC bagi Pengajian Cina / Tamil



iv) Ambilan calon guru program KDPM-KDC bagi Pengajian Cina/Tamil

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, mulai ambilan Jun 2010 KPM telah membuat unjuran mengikut pelbagai bidang pengajian, termasuk Pengajian Bahasa Cina. Keadaan ini berbeza dengan unjuran yang ditetapkan sebelum ini, di mana keperluan tenaga pengajar di SJKC hanya mengikut keperluan bidang Pengajian Bahasa Cina sahaja. Unjuran Ambilan KPLI (sepenuh masa) ambilan Jun 2010 bagi bekaian guru SJKC ialah 638 orang, PiSMP Ambilan 2010 ialah 1780 orang serta KPLI mode KDC dan KDPM mode KDC pada tahun 2010 adalah seramai 800 orang.

Pada Disember 2009, Kementerian telah meluluskan sejumlah 3690 jawatan GSTT untuk dilantik berkuatkuasa 1 Januari 2010 bagi mengisi kekosongan di SJKC di seluruh negara.

Adalah menjadi harapan KPM agar kesemua program itu dapat memenuhi unjuran keperluan guru. Pada masa ini, KPM berusaha untuk mengagihkan pengambilan calon guru bagi Zon Sabah mengikut nisbah 30 peratus seperti yang terdapat dalam fokus dasar baru pengambilan guru KPM. Bagi memenuhi permintaan calon-calon yang menetap di Sabah, kaedah '*walk-in interview*'<sup>1</sup> telah dilaksanakan pada 24 Mei 2010 ( Isnin) untuk kumpulan KPLSPM ambilan Jun 2010 dan mendapat respon yang sangat baik.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN** **Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said**  
**DARIPADA** **23 Jun 2010 (RABU)**  
**TARIKH** **Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said**  
**SOALAN** **minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan menyatakan apakah status kejayaan projek Terminal Makanan Negara (TEMAN) dan sejauh manakah TEMAN berjaya membantu para petani luar bandar memasarkan hasil buah-buahan atau sayuran mereka yang sering kali jatuh harga mendadak apabila tiba musim buah-buahan**

**JAWAPAN** **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

TEMAN telah dibangunkan di dua lokasi iaitu di Gopeng, Perak dan Kota Bharu, Kelantan. Pembinaan TEMAN di Gopeng, Perak telah siap 100% dan dijadualkan beroperasi pada Ogos 2010. Manakala TEMAN di Kota Bharu, Kelantan pula, sehingga 12 Jun 2010 kemajuan pembinaan adalah 97.3% dengan mendahului jadual sebanyak 112 hari dan JKR menjangka dapat disiapkan pembinaan fasa 2 pada Julai 2010

dan fasa 3 pada Disember 2010 dan dijadualkan beroperasi pada April 2011.

Status kejayaan projek TEMAN masih belum dapat dikenal pasti memandangkan TEMAN masih belum memulakan operasinya. Walau bagaimanapun, TEMAN menawarkan nilai-nilai seperti kecekapan dan ketelusan pasaran, keselamatan dan kawalan mutu makanan, bekalan yang mencukupi dan stabil, kualiti perkhidmatan dan peningkatan penyertaan bumiputera.

TEMAN dengan kemudahan prasarana yang moden dan lengkap akan dapat membantu para petani luar bandar memasarkan hasil pertanian mereka dengan lebih efektif. Ini kerana TEMAN adalah sebuah pusat pembekalan makanan yang menghubungkan pengeluaran dan penggunaan. Para petani juga dapat meningkatkan pendapatan mereka kerana tidak bergantung dengan orang tengah. Urus niaga di sini menggunakan sistem lelong dan sistem urus niaga triti persendirian yang lebih adil dan telus. Di samping itu juga, FAMA juga akan melaksanakan program pembangunan seperti aktiviti pengembangan dan promosi. Para petani yang memasarkan hasil pertanian mereka di TEMAN juga mendapat jaminan bayaran oleh FAMA/Kerajaan.

**NO. SOALAN : 20**

**PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
DARIPADA LISAN DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ] 23 JUN  
TARIKH 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan hasil kajian mengenai struktur tol bagi projek jalan bertol dan apakah langkah-langkah alternatif bagi projek jalan bertol.

**JAWAPAN**

Kerajaan pada 6 Januari 2010 ketika meneliti hasil kajian isu-isu penswastaan lebuhraya bertol telah bersetuju untuk menangguhkan keputusan sehingga laporan tersebut disemak dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Pemandu-Makmal Rasionalisasi Subsidi. Oleh yang demikian, hasil laporan tersebut masih dalam pertimbangan Jawatankuasa Pemandu-Makmal Rasionalisasi Subsidi dan dijangka akan diumumkan serentak dengan kajian menyeluruh Makmal Rasionalisasi Subsidi.

**NO. AUM : 11**

**NO.AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**TUAN DING KUONG HUNG [ SARIKEI ]**

**DARIPADA**

**23 JUN 2010**

**TARIKH**

**2744**

**SOALAN:  
RUJUKAN:**

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta MENTERI DALAM  
NEGERI menyatakan**

- (a) apakah syarat-syarat yang diperlukan bagi pengambilan baru sebagai anggota polis; dan**
  
- (b) jumlah pengambilan baru anggota polis warga Sarawak mengikut pecahan kaum dari tahun 2008 hingga sekarang.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sarikei yang telah mengemukakan Soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai dan Anggota PDRM yang baru, syarat wajib untuk pelantikan calon awam bagi jawatan Inspektor, Sarjan dan Konstabel adalah seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun;
- (c) kelayakan akademik
  - (i) Jawatan Konstabel - lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
  - (ii) Jawatan Sarjan - lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Diploma.
  - (iii) Jawatan Inspektor - Ijazah Sarjana Muda Kepujian/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang telah ditetapkan.
- (e) kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2008 sehingga bulan Mei 2010, seramai 1,366 orang pegawai dan anggota polis yang berasal daripada negeri Sarawak telah dilantik untuk berkhidmat dengan pasukan PDRM. Daripada jumlah tersebut seramai 546 Melayu, 76 Cina, 248 Iban, 224 Bidayuh, 160 Melanau, 101 Dayak dan 11 India.

No:22

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :**

**DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**

**PERTANYAA**

**LISAN**

**N TARIKH**

**23.06.2010**

**SOALAN NO**

**22**

**Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- a) jumlah perbelanjaan untuk projek jana elektrik Bakun; dan
- b) bila projek ini akan siap dan ke mana elektrik yang dijana akan digunakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan Projek Hidroelektrik Bakun sehingga bulan Mei 2010 adalah sebanyak RM7.3 bilion.

2. Kerja-kerja sivil dijangka siap pada hujung tahun ini manakala kerja-kerja memasang turbin (8 buah) dijangkakan siap pada bulan Mac 2012. Keseluruhan sumber bekalan elektrik dari Projek Hidroelektrik Bakun adalah untuk kegunaan projek *smelter* dan *Sarawak Corridor Renewable Energy (SCORE)* di Negeri Sarawak yang kian pesat dilaksanakan.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**No: 23**

**DARIPADA** **DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**  
**[ PULAI ]**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **23.06.2010**

**SOALAN NO** **23**

**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayar cukai di kadar tertinggi 27 peratus dan langkah-langkah yang diambil oleh LHDN untuk membanteras pengelakan cukai.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar cukai pendapatan tertinggi 28 peratus bagi individu telah dikurangkan kepada 27 peratus mulai tahun taksiran 2009. Bilangan pembayar cukai di kadar tertinggi 27 peratus bagi tahun taksiran 2009 tersebut masih belum dimuktamadkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Walau bagaimanapun, bagi tahun taksiran 2008, bilangan pembayar cukai individu yang tertakluk pada kadar cukai 27 peratus ialah seramai 126,217 orang dan mereka yang tertakluk kepada kadar cukai tertinggi 28 peratus ialah seramai 50,376 orang.

Langkah-langkah yang diambil oleh LHDN untuk membanteras pengelakan cukai antaranya adalah seperti berikut:

**i. Program Audit Cukai**

Program audit cukai merupakan aktiviti utama yang dijalankan oleh LHDN. Audit cukai adalah pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan laporan pendapatan dan pengiraan cukai dibuat mengikut undang-undang dan peraturan perculiaian. Dengan adanya program audit cukai, kadar

pematuhan cukai akan meningkat dan pengelakan cukai akan berkurangan.

**ii. Penyiasatan**

Bagi membanteras aktiviti pelarian dan pengelakan cukai, LHDN turut mengambil langkah penguatkuasaan melalui aktiviti penyiasatan dan perisikan. Aktiviti siasatan ini dibahagikan kepada dua iaitu siasatan sivil dan siasatan jenayah. Penguatkuasaan siasatan sivil adalah bagi menangani kecuaian membuat laporan percukaian dan pengelakan cukai secara sengaja. Sementara siasatan jenayah dilaksanakan untuk menyiasat kes pelarian cukai dan seterusnya membuat pendakwaan di mahkamah. LHDN juga turut mewujudkan Bahagian Perisikan untuk membantu pemilihan kes yang tepat untuk disiasat dan mengumpul maklumat risikan daripada pelbagai sumber seperti agensi Kerajaan dan swasta serta pengaduan awam yang diterima.

**iii. Banci Bisnes**

Program banci bisnes dilaksanakan untuk meningkatkan tahap pematuhan selain membesarkan asas cukai dengan mengesan pembayar cukai yang masih belum termasuk dalam jaringan cukai negara (*tax net*). Melalui aktiviti ini, pegawai LHDN telah mengadakan lawatan ke premis-premis perniagaan untuk menggalakkan orang awam supaya mendaftarkan diri sebagai pembayar cukai secara sukarela.

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

DARIPADA                    DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

[ PARIT BUNTAR ]

TARIKH                    23 JUN 2010 (RABU)

**SOALAN :**

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta PERDANA

MENTERI menyatakan mengapakah MEB tidak memasukkan dalamnya usaha-usaha untuk melaksanakan gaji minima (minimum wages) bagi meningkatkan taraf hidup pekerja di negara ini.

**JAWAPAN:**

Model Ekonomi Baru (MBE) ingin melihat kuasa pasaran menentukan tahap selesa perkara-perkara penting dalam ekonomi sama ada upah, harga, sektor juga perlakuan. Tahap upah yang rendah dinegara ini adalah manifestasi herotan dalam ekonomi disebabkan dasar, peraturan dan pengagihan sumber yang tidak efficient. Untuk mengatasi kadar upah yang rendah ini, sebab utama seperti ini perlu ditangani dahulu. Dengan memaksa industri membayar gaji minimum juga merupakan satu cara intervention oleh Kerajaan dalam pasaran. Terdapat cara lain yang akan memastikan pekerja yang berkelayakan mendapat ganjaran yang setimpal. Namun demikian MBE tetap meneliti implikasi pemakaian tahap gaji minimum dalam penganalisaannya.

**SOALAN NO:25**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH 23 JUN 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI HAJI AZMI BIN KHALID** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian sektor Pengangkutan Awam, selain dari teksi, bas, LRT, monorail, adakah Kerajaan bersedia menimbang pembinaan sistem Tramways yang kos infrastrukturnya lebih murah dari LRT dan monorail.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sistem trem merupakan satu sistem kereta api yang berkonsepkan perkongsian laluan dengan pengguna jalan raya yang lain. Oleh itu, sistem ini menggunakan ruang laluan jalan raya sedia ada dan sudah tentu akan mengurangkan kawasan laluan untuk pengguna kenderaan lain seperti kereta, bas dan motosikal. Cadangan untuk mengadakan sistem ini perlu

kajian mendalam agar ia tidak menyumbang kepada peningkatan kesesakan jalan raya sedia ada.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 13 NO.

AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAI ]

TARIKH 23 JUN 2010

RUJUKAN 2745

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin AM [ Gombak ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik data jenayah berat (rogol, rompak, bunuh) di seluruh negara sepanjang 5 tahun yang lepas. Adakah Kerajaan bercadang untuk memohon maaf kepada keluarga Allahyarham Aminulrasyid Amzah yang telah mati ditembak oleh pegawai polis pada 26 April 2010 di Seksyen 11, Shah Alam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gombak yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kadar jenayah indeks di seluruh negara pada tahun 2005 adalah sebanyak 157,365 kes, 196,780 kes pada tahun 2006, 209,582 kes pada tahun 2007, 211,645 kes pada tahun 2008 dan 209,417 kes pada tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak polis telah selesai menjalankan siasatan berhubung kes Aminulrasyid dan suspek telahpun dituduh di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan. Memandangkan kes tersebut dalam perbicaraan, isu memohon maaf kepada keluarga Allahyarham tidak timbul dalam kes ini.

**SOALAN NO. 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN**

**DARI PADA : YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (BN)**  
**(SETIU)**

**TARIKH 23 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Dato' Mohd Jidin Bin Shafee (BN) (Setiu)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengekang masalah dan isu "pembuangan bayi" dan "perdagangan bayi".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Isu pembuangan dan perdagangan bayi adalah merupakan masalah sosial dan kes jenayah yang perlu diberi perhatian oleh segenap peringkat dan golongan termasuk Jabatan / Agensi Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan anggota masyarakat keseluruhannya dan bukannya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semata-mata. Bagi mengekang isu pembuangan bayi dari terus berleluasa, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil

tindakan berikut:

Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral;

Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001; Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak- Kanak Daerah (JKKD);

Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pendekatan diambil untuk memberikan kursus ini di tempat kerja bagi memudahkan ibu bapa menghadiri kursus berkenaan;

Mewujudkan Pusat Remaja kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja;

Menyediakan sistem galakan kepada NGO supaya menyediakan perkhidmatan bagi memberi perlindungan kepada ibu-ibu mengandung luar nikah;

Menyediakan tempat perlindungan melalui 104 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan 60 institusi kebajikan yang sedia menerima ibu-ibu mengandung yang memerlukan perlindungan dan menerima bayi/kanak-kanak yang tidak diingini; dan

viii. Menyediakan empat (4) buah Taman Seri Puteri yang menyediakan kemudahan

perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah manakala sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih diwujudkan bagi wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Inisiatif ini juga bertujuan mencegah daripada berlakunya kes-kes pembuangan bayi.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah terbaru KPWKM ialah menjalinkan kerjasama dengan OrphanCARE dan melancarkan Pusat Jagaan Bayi Yang Tidak Diingini atau, dengan izin, ‘Baby Hatch’ yang pertama di negara ini pada 13 Ogos 2009. Tujuan penubuhan pusat ini adalah untuk memberi pelindungan kepada bayi yang dibuang atau tidak diingini. Pusat ini beroperasi 24 jam dan memberi pelindungan kepada bayi tersebut sebelum ia diserahkan kepada keluarga angkat. KPWKM bekerjasama dengan OrphanCARE dalam aspek perlindungan sementara, penempatan di dalam program penjagaan dan pengangkatan termasuk pengurusan data serta aspek promosi ke atas program penjagaan dan pengangkatan.

Selain itu, KPWKM telah mewujudkan Talian NUR 15999 bagi membolehkan sebarang aduan berkenaan penderaan kanak-kanak disalurkan kepada pihak yang berwajib untuk tindakan selanjutnya. Remaja dan wanita yang mengandung luar nikah juga boleh mendapatkan khidmat nasihat atau kaunseling melalui Talian NUR 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dengan perbuatan membuang bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun.

Usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia seperti yang diusahakan oleh Kementerian bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan melalui pelancaran kempen “KAMI PRIHATIN” merupakan satu permulaan dan adalah menjadi harapan Kementerian agar banyak lagi inisiatif dilaksanakan oleh sektor korporat dan anggota masyarakat bagi meningkatkan kesedaran terhadap masalah ini dan

akhirnya isu pembuangan dan penderaan kanak-kanak dapat dibendung sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berkaitan perdagangan bayi adalah berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula bertanggungjawab dalam menyediakan perlindungan dan pemulihan kepada mangsa termasuklah kanak-kanak. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah, dengan izin, ‘*child trafficking*’ di Malaysia dan memastikan golongan kanak-kanak mendapat perlindungan termasuklah:

- i. Menyediakan Tempat Perlindungan bagi menempatkan kanak-kanak mangsa pemerdagangan yang memerlukan perlindungan dan pemulihan;
- ii. Menggubal Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara (DPKK) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 29 Julai 2009 sebagai pemangkin kepada peningkatan kesedaran dan komitmen semua pihak termasuk setiap anggota masyarakat untuk melindungi dan menjaga kesejahteraan kanak-kanak di negara ini;
- iii. Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan lain seperti Polis DiRaja

- Malaysia (PDRM), Kementerian Pelajaran, Jabatan Peguam Negara dan NGO kanak-kanak serta media bagi menjalankan program advokasi tentang pemerdagangan manusia terutama sekali kanak-kanak; dan
- iv. Menyediakan cadangan bagi mewujudkan sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan, sektor korporat, media dan NGO. Sistem ini bertujuan mengesan dan menyelamatkan kanak-kanak yang hilang terutamanya yang berumur 12 tahun dan ke bawah menerusi penyebaran maklumat kehilangan kanak-kanak melalui televisyen, mesin ATM, akhbar, perkhidmatan mesej ringkas (SMS), sistem pesanan bergambar (MMS), laman web, poster, dan, dengan izin, '*electronic bulletin board*.

**NO. SOALAN :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]**

**TARIKH 23 Jun 2010 (Rabu)**

**SOALAN**

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama-nama sembilan pesuruhjaya SUHAKAM yang baru diumumkan.

**JAWAPAN: YB DATO<sup>1</sup> SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

## **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi sesi 2010-2013 seperti berikut:

1. YBhg. Tan Sri Hasmy Agam sebagai Pengerusi;
2. Encik Muhammad Sha'ani bin Abdullah;
3. YBhg. Profesor Datuk Dr. Khaw Lake Tee;
4. Encik James Deva Nayagam;
5. YBhg. Profesor Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Hj. A. Majid;
6. Puan Jannie Lasimbang; dan
7. Encik Detta anak Samen.

Pelantikan Anggota SUHAKAM ini berkuat kuasa mulai 26 April 2010 selama tempoh 3 tahun.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN : 29**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN LIANG TEK MENG**

**[Simpang Renggam]**

**TARIKH**

**23 Jun 2010**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN LIANG TEK MENG minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan diambil untuk mencegah kebocoran dokumen sulit Kerajaan**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Langkah-langkah keselamatan untuk mencegah kebocoran dokumen Sulit**  
Kerajaan adalah termaktub dalam Arahan Keselamatan untuk difahami,  
dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua penjawat awam. Pejabat Ketua Pegawai  
Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri  
dipertanggungjawabkan untuk merancang, merumus, menyelaras dan  
melaksanakan langkah-langkah keselamatan perlindungan tersebut meliputi:

- (i) Memberikan khidmat nasihat dan memantau perlaksanaan langkah-langkah perlindungan rahsia rasmi Kerajaan bertepatan peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Arahan Keselamatan dan Pekeliling-Pekeliling Keselamatan yang ditetapkan.** Ini merangkumi aspek keselamatan perlindungan peribadi, fizikal, persekitaran, dokumen dan maklumat bagi mengelakkan kebocoran dan mengatasi ancaman keselamatan;
- (ii) Melaksanakan Inspektorat untuk mengenal pasti kelemahan terhadap pelaksanaan langkah-langkah keselamatan perlindungan di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan serta mengesan ketidakpatuhan penjawat-penjawat awam yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menguruskan dokumen-dokumen atau**

**maklumat yang diperingkatkan sebagai Rahsia Besar, Rahsia, Sulit dan Terhad atau rahsia rasmi seperti mana tafsiran di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Laporan terhadap kelemahan-kelemahan dan ketidakpatuhan berserta syor penambahbaikan dikemukakan untuk tindakan Ketua Jabatan;**

- (iii) **Mempergiatkan usaha dalam memberikan pendidikan keselamatan perlindungan (protective security) bagi melatih, memupuk dan meningkatkan kesedaran penjawat-penjawat awam supaya bersama-sama bertanggungjawab dan sentiasa berwaspada untuk menghalang pendedahan dokumen dan kebocoran maklumat terperingkat dan rahsia rasmi yang boleh menjaskan ekonomi Negara, pertahanan Negara, fungsi-fungsi Kerajaan dan imej Negara. Dalam usaha ini Kerajaan telah meluluskan pembinaan Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia untuk memastikan agenda pendidikan keselamatan perlindungan terus dipertingkatkan untuk dibudayakan;**
- (iv) **Memberikan peringatan untuk mempertingkatkan usaha menghalang penyalahgunaan kemudahan ICT yang mempunyai keupayaan menyalin, merakam, menyiarkan dan menyebarkan maklumat atau dokumen-dokumen melalui peranti mudah alih seperti telefon bimbit, PDA, komputer riba, media storan, internet dan sebagainya;**
- (v) **Menjalankan Tapisan Keselamatan untuk memeriksa latar belakang**

**mereka yang diberikan kepercayaan untuk menguruskan dokumen atau maklumat terperingkat atau rahsia rasmi bagi memastikan berintegriti dan bebas daripada sebarang kegiatan subversif atau meragukan;**

- (vi) Memastikan penjawat awam supaya sentiasa mengamalkan “Prinsip Perlu Mengetahui” sepanjang masa berkhidmat dengan Kerajaan bagi mengelakkan pendedahan atau kebocoran maklumat Kerajaan;**
- (vii) Memastikan Ketua Jabatan melantik Pegawai Keselamatan Jabatan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan perlindungan di Jabatan masing-masing dan mengambil tindakan tegas terhadap kes pelanggaran keselamatan dan kebocoran maklumat Kerajaan ;**
- (viii) Memastikan Pegawai Pengelasan di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 dilantik dan pengurusan dokumen yang diperingkatkan atau dikelaskan sebagai rahsia rasmi atau dikelaskan semula didaftarkan mengikut peraturan ditetapkan; dan**
- (ix) Memastikan supaya Ketua Jabatan melaporkan setiap kes pelanggaran, kebocoran maklumat dan mengambil tindakan mengikut keperluan peruntukan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atau tindakan tatatertib terhadap mana-mana peringkat penjawat awam serta ianya tidak boleh dikompromi.**

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                          PUAN TEO NIE CHING  
[SERDANG]**

**TARIKH                              23 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN**

Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sebab-sebab penerbit program dokumentari TV2 " Galeri Mandarin Nasional" Chou Z Lam ditamatkan kontrak perkhidmatan secara tiba-tiba berikutan pendedahan beliau bahawa RTM membatalkan penyiaran dokumentari Empangan Bakun dan pembinaan menara elektrik di Rawang atas desakan politik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**RTM yang berperanan sebagai media rasmi Kerajaan bertanggungjawab menyebarkan maklumat kepada rakyat.**  
Sehubungan itu, tiada sebarang campur tangan politik dalam penentuan siaran sesuatu program di RTM.

Keputusan menarik balik dokumentari berkenaan dibuat secara profesional memandangkan ia tidak mematuhi Garis Panduan Siaran RTM selain tidak memuatkan tujuan sebenar projek dan faedahnya kepada negara. Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) penyediaan sesuatu program, RTM bertanggungjawab memastikan rakyat mendapat maklumat yang seimbang tentang projek-projek yang dilaksanakan.

Penamatan perkhidmatan penerbit adalah sebagai satu langkah mengimbangkan jumlah kakitangan dengan perkhidmatan di RTM. Perlantikan dan penamatan perkhidmatan seseorang petugas adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

**Soalan No; \*&{**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA S Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA**

## **LINGGI (KAPIT)**

**TARIKH** : **23.6.2010**

**SOALAN** :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandaran Wilayah** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan perlu diambil untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak tentang Ordinan Tanah Negeri supaya RISDA dapat mengembangkan program untuk membangunkan tanah NCR di Sarawak.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk membangunkan tanah NCR di Sarawak, RISDA sedang menggubal peraturan bantuan tanam semula dan akan berbincang bersama Kerajaan Negeri Sarawak untuk mendapatkan pandangan dengan melibatkan kementerian berkaitan seperti Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak dan Kementerian Kemajuan Tanah selaras dengan Ordinan Tanah Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, RISDA yang merupakan agensi pelaksana Projek Agropolitan Ulu Awik, Gunung Sadok di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB), akan membangunkan ladang di tanah-tanah berstatus NCR seluas 349 hektar. Walau bagaimanapun, memandangkan program ini dilaksanakan melalui geran persekutuan, beberapa perkara perlu disediakan terlebih dahulu seperti penyediaan *Terms of Reference* (TOR) yang menggariskan kaedah pelaksanaan projek, kelulusan Tuai

Rumah yang terlibat, *proper survey* bagi mengukur keluasan tanah yang sesuai untuk dibangunkan dan seterusnya perjanjian khusus bagi pembangunan tanah NCR yang perlu ditandatangani antara RISDA dengan peserta.

NO. AUM : 35

NO. AUP : 33-

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LOKE SIEW FOOK [ RASAH ]

TARIKH 23 JUN 2010

RUJUKAN 2747

#### SOALAN:

Tuan Loke Slew Fook [ Rasah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kementerian sedar tentang masalah perjudian haram di dalam kafe siber yang semakin berleluasa, apakah tindakan yang telah diambil dan berapakah tangkapan yang telah dibuat sepanjang tahun ini.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rasah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, Kerajaan memandang serius mengenai aktiviti perjudian haram di negara ini termasuklah perjudian yang beroperasi di dalam kafe-kafe siber.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menangani masalah ini, pihak polis telah mengambil langkah-langkah bagi mencegah aktiviti ini dari terus berleluasa. Antaranya ialah :

- (i) Mengenai pasti individu dan sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian siber kafe;
- (ii) Mengambil tindakan tegas ke atas penganjur dan pengusaha kafe siber yang terlibat termasuk menggunakan Akta-akta Pencegahan;

- (iii) Mengadakan operasi bersepadu dengan agensi penguatkuasa seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan ke atas tempat-tempat yang disyaki dan dikenalpasti menjalankan aktiviti ini; dan
- (iv) Mengadakan kerjasama dengan pihak sekolah bagi membendung dan mencegah pelajar terlibat dengan masalah ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sejak bulan Januari sehingga April 2010, pihak polis telah melakukan 4,509 serbuan terhadap kafe siber di mana seramai 1,685 orang telah ditangkap.

SOALAN NO: 33

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ

[ SRI GADING ]

TARIKH                    23 JUN 2010 (RABU)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN**

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah ada garis panduan bagi pengiklan dalam negara yang menghasilkan iklan di media cetak dan elektronik mesti mengguna pakai model dan tenaga kerja tempatan dalam setiap iklan yang dihasilkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sememangnya telah mempunyai garis panduan bagi penghasilan iklan di media elektronik yang mensyaratkan bahawa tenaga karyawan termasuk artis dan model yang terlibat dalam pengeluaran iklan hendaklah terdiri daripada tenaga tempatan dan menjadi ahli kepada persatuan yang diperakukan oleh FINAS sepetimana ditetapkan mengikut Syarat 4, Syarat-syarat Tambahan Lesen Pengeluaran FINAS sebelum diperakukan melalui Sijil Akuan

Iklan Buatan Malaysia (MIM).

Jika menggunakan tenaga karyawan asing, kebenaran hendakiah diperolehi daripada FINAS dengan memohon Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing. Sekiranya sesuatu iklan itu perlu menggunakan kakian asing (*foreign footage*), hanya 20% dibenarkan dan 80% lagi hendakiah daripada kandungan tempatan.

Manakala bagi penghasilan iklan di media cetak ianya di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN).

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH 23 JUN 2010

SOALAN

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI

KESIHATAN menyatakan bilangan doktor yang menyertai skim "Full Paying Patient" di Hospital Selayang dalam tahun 2009. Nyatakan pendapatan mereka daripada skim ini untuk tahun 2009 mengikut pecahan di bawah RM12,000 setahun, RM12,001-RM24,000 setahun, RM24.0001 ke RM60.000, RM60.001 ke RM120.000 dan lebih daripada RM120,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009, seramai 46 orang Pegawai Perubatan Pakar di Hospital Selayang menyertai Skim Perkhidmatan "Full Paying Patient" (FPP).

Secara ringkas, maklumat pendapatan mereka yang menyertai Skim Perkhidmatan "Full Paying Patient" (FPP) adalah seperti berikut:

- i) Purata pendapatan seorang doktor sebulan ialah RM1,660.60
- ii) Pendapatan penengah ialah RM2,101.80 sebulan.
- iii) Taburan pendapatan tahunan adalah seperti jadual di bawah:

Jadual: Pendapatan Tahunan Pegawai Perubatan Pakar yang Menyertai Skim Perkhidmatan "Full Paying Patients", Hospital Selayang, Tahun 2009.

Jumlah Pendapatan (RM) Tahunan			
	< 12,000	12,000- 24,000	>24,000
Bilangan	37	5	4 46

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN  
 DARIPADA TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
 (KANOWIT)  
 TARIKH 23 JUN 2010 (RABU)

**SOALAN :**

Tuan Aaron Ago Anak Dagang (Kanowit) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebenarnya objektif dan tugas-tugas Jawatankuasa Khas Kabinet ke atas masalah Bumiputera di Sarawak dan Sabah. Sejauh manakah perjalanan Jawatankuasa Khas ini dalam menjayakan tugas-tugas mereka.

**JAWAPAN:**

Fungsi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

- 1) Merancang, menyelaras, memantau dan menilai dasar serta strategi pelaksanaan pembangunan Bumiputera Sabah & Sarawak yang holistik;
- 2) Memastikan program/projek pembangunan Bumiputera Sabah & Sarawak dilaksanakan dengan berkesan;
- 3) Memastikan sistem penyampaian pembangunan Bumiputera Sabah & Sarawak yang lebih cepat, cekap dan berkesan; dan
- 4) Mengenalpasti dan menyelesaikan sebarang isu yang melibatkan dasar atau jentera kerajaan.

Jawatankuasa ini dijadualkan bermesyuarat sekali atau dua kali setahun dan mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah diadakan pada 26 April 2010 yang lalu. Mesyuarat tersebut telah membincangkan isu-isu berkaitan masyarakat Bumiputera Sabah dan Sarawak serta menimbang perakuan dan cadangan yang dikemukakan oleh Makmal Bumiputera Sabah dan Sarawak yang telah diadakan dari 3 Februari 2010 hingga 5 Mac 2010 meliputi 7 sub-makmal seperti berikut:

- (i) *Native Customary/Legal Rights*

- (ii) Pembangunan Sosial (Pembasmian Kemiskinan);
- (iii) Infrastruktur Luar Bandar;
- (iv) Pendidikan;
- (v) Ekonomi;
- (Vi) *Native Courts*; dan
- (vii) Penan.

Pada dasarnya mesyuarat Jawatankuasa Kabinet ini bersetuju dengan cadangan dan perakuan yang dikemukakan oleh Makmal Bumiputera Sabah dan Sarawak tetapi ianya perlulah mengambilkira kemampuan kewangan kerajaan dengan memberi **keutamaan kepada program/projek yang boleh memberikan manfaat segera kepada rakyat**. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan Malaysia telah diminta meneliti dan memperhalusi semua cadangan yang dikemukakan untuk dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program.

**NO. SOALAN : 57**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN**  
**TARIKH : AHMAD [ KUALA SELANGOR ]**  
**: 23 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **PERDA MENTERI** menyatakan apakah iktibar-iktibar kegagalan-kejayaan yang telah dipelajari dari gelombang penswastaan pertama supaya gelombang penswastaan kedua dapat dijayakan sebagai sebahagian dasar Model Ekonomi Baru yang antara lainnya mahukan pelaburan pihak swasta memacu pertumbuhan KDNK negara.

**JAWAPAN :**

Malaysia telah mula melaksanakan program dan projek penswastaan sejak tahun 1983 setelah Dasar Persyarikatan diperkenalkan. Pelaksanaan program dan projek penswastaan ketika itu adalah mengikut keperluan dan kemampuan ekonomi Negara (mengikut acuan sendiri). Pelaksanaan program dan projek penswastaan turut menerima kesan daripada iklim ekonomi serantau dan global, khususnya Krisis ekonomi 1997 - 1998 yang telah banyak memberikan kesan kepada pelaksanaan program dan projek penswastaan. Segala bentuk implikasi kepada pelaksanaan program dan projek penswastaan telah dikaji dan tindakan penambahbaikan turut dilaksanakan. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha

memperbaiki dasar dan pelaksanaan program penswastaan berdasarkan pengalaman pelaksanaan sebelum ini, antara lain melalui penubuhan badan kawal selia industri seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Seterusnya, bagi menjayakan gelombang baru penswastaan, Kerajaan mengambil langkah berhati-hati dengan menjalankan kajian terperinci ke atas daya maju agensi/syarikat berkaitan Kerajaan yang dicadang untuk diswastakan. Bagi menyokong pelaburan pihak swasta, Kerajaan juga akan melaksanakan projek-projek penswastaan dan *Public-Private Partnership* (PPP), dengan izin, sepertimana yang telah diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh baru-baru ini. Di samping itu, dengan peruntukan Dana Mudahcara sebanyak RM20 bilion dalam RMKe-10, Kerajaan percaya inisiatif kerjasama dalam sektor awam dan swasta kali ini akan terus memacu pertumbuhan Negara.

**SOALAN NO: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA                    TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**  
**[ SIBUTI ]**

**TARIKH                    23 JUN 2010**  
**SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [ Sibuti ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mewujudkan satu sistem pemantauan dalam talian kepada Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan mereka menyemak status setiap projek yang dijalankan di dalam kawasan Parlimen masing-masing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu sistem pemantauan dalam talian kepada Ahli Yang Berhormat untuk menyemak status setiap projek yang dijalankan di kawasan Parlimen masing- masing. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat boleh menghubungi Pejabat Pembangunan Negeri atau jabatan yang melaksanakan projek berkenaan untuk mendapatkan status terkini projek yang dilaksanakan di kawasan Parlimen masing-masing.

**NO. SOALAN: 38**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA :**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL**

**[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH**

**23 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**Y.B. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta PERDANA MENTERI menyatakan :**

Dengan bersandarkan kadar pengeluaran minyak mentah dan gas asli negara sekarang:

- (a) Tahun berapakah diramalkan simpanan minyak negara akan habis; dan
- (b) Tahun berapakah diramalkan simpanan gas asli negara akan habis.

**JAWAPAN :**

Jumlah simpanan minyak mentah negara pada 1 Januari 2009 adalah sebanyak 5.52 bilion tong, manakala jumlah simpanan gas asli negara pula adalah sebanyak 87.97 trilion kaki padu. Berdasarkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli semasa, simpanan minyak mentah negara berupaya untuk bertahan selama 22 tahun, simpanan gas asli negara pula selama 36 tahun. Berdasarkan pengiraan ini, simpanan minyak mentah negara akan habis pada tahun 2031 dan simpanan gas asli negara pula pada tahun 2045.

**SOALAN NO.m ^**

i

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI WAN ABD RAHIM  
BIN WAN ABDULLAH  
[ KOTA BHARU ]

TARIKH 23 JUN 2010

**SOALAN:**

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah janji-janji untuk membina kemudahan-kemudahan asas di satu-satu bahagian pilihan raya semasa kempen Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil tidak merupakan suatu penyogokan yang boleh diambil tindakan di bawah Perkara 10 (a), (c), (d), (e), (f), (g), dan (h) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [ Akta 5 ] memperuntukkan; kesalahan akibat perbuatan rasuah sebelum, semasa dan selepas sesuatu pilihan raya.

Persoalan sama ada pemberian atau kelulusan segera sewaktu berkempen pilihan raya tidak melanggar Akta 5 merupakan persoalan fakta. Jika terdapat apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana orang, fakta itu akan disiasat oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Jika mana-mana orang didakwa atas fakta itu, fakta itu perlu dibuktikan di mahkamah oleh pihak-pihak yang mendakwanya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
[ BALING ]

TARIKH 23 JUN 2010

RUJUKAN 2746

SOALAN:

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang lebih berkesan diambil bagi memastikan sebarang bentuk penyiaran atau penulisan mengenai Islam dapat dikawal daripada penyelewengan fakta dan asas hukum. Dan apakah tindakan terhadap penulisan yang disiarkan akhbar tempatan baru-baru ini menghina kedua ibu-bapa baginda Rasulullah S.A.W.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Semua jenis penerbitan, termasuk penyiaran atau penulisan, termasuk mengenai agama, sama ada terbitan tempatan mahupun yang diimport, adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 iaitu tidak boleh mengandungi bahan- bahan penerbitan yang:

- i. memudaratkan ketenteraman awam;
- ii. memudaratkan kemoralan;
- iii. memudaratkan keselamatan;
- iv. menggemparkan fikiran rakyat;
- v. berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- vi. memudaratkan kepentingan awam; atau
- vii. memudaratkan kepentingan Negara.

Di samping AMCP 1984, Kementerian juga merujuk kepada Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam, yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) bagi memastikan agar

penerbitan mengenai Islam tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh menjelaskan aqidah, yang menyelewengkan fakta atau yang berlawanan dengan asas hukum.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian juga telah mengambil pendekatan pencegahan bagi mengawal selia media supaya tidak menyiarakan bahan-bahan penerbitan yang menyelewengkan fakta. Tindakan yang diambil termasuklah mengadakan Garis Panduan Penerbitan; menganjurkan sesi-sesi pertemuan dengan ketua editor/editor; memberi nasihat, teguran serta peringatan dan sebagai langkah terakhir, mengambil tindakan perundungan berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa.

Berhubung dengan penulisan yang dikatakan menghina kedua-dua ibu bapa baginda Rasullah SAW, ianya telah disiar di dalam “*facebook*” dan bukannya oleh mana-mana akhbar tempatan.



**No: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **DR. SITI MARIAH BINTI  
MAHMUD [KOTA RAJA]**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **23.06.2010**

**SOALAN NO** **41**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai dosa (sin tax) hasil pembiagaan perjudian dan arak. Apakah halangan Kerajaan untuk mengasingkan punca pendapatan halal dan haram negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah cukai perjudian dan arak bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM2,473 juta dan RM 1,440 juta masing-masing. Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 97 memperuntukkan semua hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Walau bagaimanapun, cadangan bagi mengasingkan hasil perjudian daripada Kumpulan Wang Disatukan masih dalam peringkat kajian.

No: 42

**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
TELUK KEMANG)**

**PERTANYAAN**

**TARIKH  
DARIPADA  
SOALAN NO**

**MEMBELI  
RITAHU  
LISAN  
PERTAN  
YAAN  
23.06.2010  
DEWAN  
RAKYA  
42  
T,  
MALAY  
SIA**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- a) berapakah anggaran kos tambahan (*cost overrun*) yang dijangka untuk Projek Empangan Hidroelektrik Bakun dari kos asal; dan
- b) jumlah penalti oleh kontraktor/pembekal asing kerana kelewatan kemajuan yang memakan masa hampir tiga tahun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang kos projek masih lagi di dalam lingkungan kos kontrak dan arahan perubahan yang telah diluluskan. Kos-kos tambahan untuk kerja-kerja

awam jika ada, akan di perinci dan di ketahui akhir tahun ini. Bagi kerja-kerja Elektro Mekanikal pula, kos tambahan jika ada, akan diketahui pada akhir 2011.

2. Jumlah penalti maksima yang boleh dikenakan kerana kelewatan kemajuan ke atas kontraktor-kontraktor ialah:

- |                        |   |              |
|------------------------|---|--------------|
| 1. Kerja Awam          | - | RM357.6 juta |
| 2. Elektro Mekanikal 1 | - | RM90.8juta   |
| 3. Elektro Mekanikal 2 | - | RM92.8 juta  |

Pemaju projek sedang memperincikan jumlah kelewatan mengikut kontrak dan akan diketahui apabila kerja-kerja bersangkutan siap sepenuhnya.



DA	PE
RIP	MB
AD	ERI
A	<b>TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)</b>
PERTANYAAN	PER
A	ISAN
TARIKH	TAN
SOALAN NO	YA
	23.06.2010
	AN
	DE <sub>43</sub>
	WA
	N
	RA

**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah sebab-sebab utama yang mendorong Kerajaan memberikan lesen judi semasa kejohanan bola Sepak Piala Dunia 2010 kepada Kumpulan Berjaya.**

#### **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan

Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

**SOALAN NO: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN CHONG CHIENG JEN  
                                [ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH                    23 JUN 2010**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan segala pengumuman polisi dan peruntukan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan menteri-menteri lain di Sibu dalam masa kempen pilihan raya kecil Sibu. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diumumkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak pernah menjanjikan program/projek kepada rakyat semasa kempen Pilihanraya Kecil di seluruh negara termasuk di Parlimen

Sibu. Program/projek yang dilaksanakan di kawasan pilihanraya kecil ini merupakan program/projek yang telah dirancang oleh Kerajaan terlebih dahulu sebelum pilihanraya kecil tersebut diadakan iaitu sama seperti di kawasan Parlimen dan DUN lain di seluruh negara. Bagi Pilihanraya Kecil Sibu, Kerajaan telah meluluskan 107 program/projek bernilai RM37.7 juta untuk dilaksanakan di seluruh kawasan Parlimen berkenaan. Peruntukan ini meliputi program/projek berbentuk fizikal, sumbangan / bantuan dan program kemasyarakatan. Ringkasan program/projek tersebut adalah seperti berikut:

**PROGRAM/PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN DI BAWAH  
PERUNTUKAN KHAS Y.A.B. PERDANA MENTERI BAGI  
KAWASAN PARLIMEN SIBU**

BIL	KATEGORI PROJEK	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN(RM)
1	SUMBANGAN	66	28,674,050.00
2	FIZIKAL	40	8,503,332.00
3	PROGRAM	1	550,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		107	37,727,382.00

**NO. SOALAN:**

**45 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**  
**TUAN HJ. AB AZIZ BIN AB KADIR**  
**PERTANYAAN** [ KETEREH  
**TARIKH** ] 23 JUN  
**DARIPADA :** 2010

**SOALAN**

**Tuan Hj. Ab. Aziz bin Ab. Kadir (Ketereh) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet bagi membawa dan memberi perhatian kepada kumpulan minoriti dan pribumi Sabah dan Sarawak seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri pada November 2009.**

**JAWAPAN**

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak telah ditubuhkan bertujuan untuk memantau dan menilai dasar, strategi pelaksanaan pembangunan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, memastikan sistem penyampaian yang lebih efektif dan berkesan serta menyelesaikan sebarang isu yang melibatkan dasar atau jentera kerajaan. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 26 April 2010 yang lalu. Mesyuarat tersebut telah membincangkan isu-isu berkaitan masyarakat Bumiputera Sabah dan Sarawak serta menimbang perakuan dan cadangan yang dikemukakan oleh Makmal Bumiputera Sabah dan Sarawak yang telah diadakan dari 3 Februari 2010 hingga 5 Mac 2010 meliputi 7 sub-makmal seperti berikut:

- (i) *Native Customary/Legal Rights*
- (ii) Pembangunan Sosial (Pembasmian Kemiskinan);
- (iii) Infrastruktur Luar Bandar;
- (iv) Pendidikan;
- (v) Ekonomi;
- (vi) *Native Courts*; dan
- (vii) Penan.

Pada dasarnya mesyuarat Jawatankuasa Kabinet ini bersetuju dengan cadangan dan perakuan yang dikemukakan oleh Makmal Bumiputera Sabah dan

Sarawak tetapi ianya perlulah mengambilkira kemampuan kewangan kerajaan dengan memberi **keutamaan kepada program/projek yang boleh memberikan manfaat**

**segera kepada rakyat.** Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan Malaysia telah diminta meneliti dan memperhalusi semua cadangan yang dikemukakan untuk dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program/projek Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10).

*ttb :*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT**  
**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISA TUAN MOHD. NASIR BIN  
N  
ZAKARIA [ PADANG  
TERAP ]**

**TARIKH  
JAWAPAN DI  
DEWAN RAKYAT**

**23 JUN 2010  
(RABU)**

**SOALAN**

**NO.  
46**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan "salient terms" seperti Kadar Pulangan Dalaman/Internal Rate of Return, Jumlah "Lease Payment" yang perlu dibayar kepada Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB), peratusan kenaikan tarif air bagi pemberian hak eksklusif kepada Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) kontrak operasi dan selenggara air Negeri Selangor selama 30 tahun sekiranya PAAB dan SPAN bersetuju SPLASH mengambil alih aset-aset air di Negeri Selangor.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Pertama sekali, saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa setakat hari ini Kerajaan dan pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) tidak pernah memberikan persetujuan dengan cadangan Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH) bagi pengambilalihan aset-aset air di negeri Selangor. Pada ketika ini, Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan

Negeri Selangor sedang merundingkan pendekatan yang sesuai dan munasabah bagi menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM  
(KUALA KEDAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.06.2010**

**SOALAN NO : 47**

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kelulusan untuk memberikan lesen judi bola sepak Piala Dunia kepada syarikat Berjaya ini tidak bertentangan dengan dasar 1 Malaysia yang menekankan nilai budaya cemerlang di kalangan rakyat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.
3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya

menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

No: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**  
**PERTANYAAN**  
**TARIKH**  
**SOALAN NO**

**TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)**

**LISAN 23.06.2010**

**48**

**Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian jumlah kerugian tahunan Sime Darby Bhd dan anak-anak syarikatnya termasuk Golden Hope dan lain-lain sejak dari 1989 hingga 2009 dan tindakan-tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah kerugian pada setiap tahun tersebut, mengapa hanya Pengarah Urusan yang diarahkan untuk bercuti kerana lebih kos (*cost overruns*) yang melebihi RM1 bilion bagi projek elektrik hidro Bakun dan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terbabit menyebabkan lebih kos (*cost overruns*) ini sama ada perkara telah dilaporkan kepada MACC dan apakah langkah-langkah yang dikenal pasti bagi mengelak kelemahan pentadbiran yang serupa lagi di Sime Darby.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, perincian keuntungan/kerugian tahunan Kumpulan Sime Darby Bhd (Sime Darby), Golden Hope Plantation Bhd (Golden Hope) dan Kumpulan Guthrie Bhd (Guthrie) adalah seperti berikut:

	<b>Golden Hope</b> <b>Tahun kewangan</b> <b>berakhir 30 Jun</b>	<b>Guthrie</b> <b>Tahun kewangan</b> <b>berakhir 31 Disember</b>	<b>Sime Darby</b> <b>Tahun kewangan</b> <b>berakhir</b> <b>30 Jun</b>
--	---	--	--



Tahun	Hasil sebelum faedah & cukai (EBIT) (RM juta)	Hasil sebelum faedah & cukai (EBIT) (RM juta)	Hasil sebelum faedah & cukai (EBIT) (RM juta)
1990	59.5	60.9	505.8
1991	46.9	114.8	514.4
1992	79.2	101.8	611.5
1993	112.9	108.2	684.0
1994	144.8	165.1	732.1
1995	256.6	306.7	826.5
1996	262.2	398.9	812.8
1997	346.5	381.3	396.5
1998	254.7	<flp.3	946.3
1999	392.3		598.8
2000	194.6	268	858.8
2001	15.9	271.3	1,204.5
2002	116.0	770.1	1,156.0
2003	321.1	600.1	1,153.2
2004	424.7	531.9	1,241.9
2005	399.3	462.1	1,525.6
2006	351.2	546.0	1,724.6
2007	610.4	(penggabungan disempurnakan pada Nov 2007)	2,793.6

	Sime Darby Selepas penggabungan Tahun kewangan berakhir 30 Jun
Tahun	Hasil sebelum faedah & cukai (EBIT) (RM juta)
2008	5,248.3
2009	3,165.5

2. Berikutan keputusan kewangan Bahagian Tenaga & Utiliti bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009, Lembaga Pengarah Sime Darby pada Oktober 2009 telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji semula operasi bahagian tersebut termasuk Projek Qatar Petroleum, Projek Maersk Oil Qatar (MOQ), Projek pembinaan vesel-vesel untuk digunakan dalam projek MOQ dan Projek empangan hidroelektrik Bakun. Selepas fasa pertama kajian semula tersebut selesai, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan telah didapati bertanggungjawab ke atas kerugian yang berlaku. Namun kajian masih berterusan dan tindakan yang perlu akan diambil berdasarkan laporan Jawatankuasa Kerja yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Sime Darby bagi menentukan sebab-sebab dan jumlah kerugian Bahagian tersebut.

3. Pada 27 Mei 2010, Sime Darby telah mengumumkan fasa kedua kajian semula dengan penilaian secara menyeluruh struktur organisasi dan pelaporan Kumpulan. Ini merupakan susulan dari penemuan-penemuan Jawatankuasa Kerja tersebut. Kelemahan-kelemahan dalam bidang pengurusan, organisasi dan pelaporan telah dibangkitkan oleh Jawatankuasa Kerja dan beberapa syor telah diajukan untuk menanganinya.

4. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah telah mencadangkan struktur pelaporan dan organisasi dan melantik perunding-perunding untuk mengkaji cadangan berkenaan. Selain itu, sebuah firma guaman bebas telah dilantik untuk melaksanakan

penyiasatan susulan untuk menentukan kepertanggungjawaban (*culpability*) berdasarkan kepada penemuan oleh Jawatankuasa Kerja ke atas empat projek utama Bahagian Tenaga & Utiliti; iaitu Projek QP, Projek MOQ, Projek Marin dan Projek empangan hidroelektrik Bakun.

No: 49

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPA DA** **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]**

**PERTANYAAN** **MULUT**

**TARIKH** **23.06.2010**

**SOALAN NO** **49**

Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail [Machang] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perincian pendekatan, mekanisma dan langkah yang dilakukan Kerajaan untuk melakukan semua transaksi penjualan aset Kerajaan dan pelupusan pegangan Kerajaan demi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisma dan langkah yang sedang/akan dilakukan oleh Kerajaan untuk penjualan aset Kerajaan (tanah) dan pelupusan pegangan (ekuiti) Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah melalui kaedah penjualan secara tender samada tender terbuka atau tender terhad. Bagi tujuan penjualan tanah Kerajaan, harga jualan adalah berdasarkan kepada harga pasaran

semasa. Melalui kaedah ini, Kerajaan akan mendapat nilai yang tertinggi daripada penjualan tersebut.

2. Pelupusan pegangan saham di dalam syarikat-syarikat di mana Kerajaan bukan pemegang saham majoriti, penjualan saham adalah tertakluk kepada amalan *first right of refusal* yang diperuntukkan di dalam perjanjian pemegang saham di mana Kerajaan perlu menawarkan pegangannya kepada pemegang-pemegang saham sedia ada terlebih dahulu. Sekiranya pemegang-pemegang saham lain tidak berminat untuk mengambil alih pegangan saham Kerajaan tersebut, Kerajaan akan menawarkan sahamnya kepada pihak lain secara tender.

SOALAN NQ.50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA              TUAN LIMLIP ENG [ SEGAMBUT ]

TARIKH              :    23 JUN2010

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana banduan di dalam lokap / penjara di seluruh negara mengundi dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil,

sekiranya mereka tidak layak untuk mengundi, nyatakan sebab dan mengapa.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Fasa (3) Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan, mana-mana orang yang pada tahun kelayakan sedang menjalani hukuman penjara, hilang kelayakan untuk menjadi pemilih. Oleh yang demikian mana-mana orang yang tidak mematuhi Fasa (3) Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan, contohnya banduan, hilang kelayakan untuk menjadi pemilih dalam mana-mana pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN      JAWAB LISAN

DARIPADA                          TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[JELUTONG]

TARIKH                          23 JUN 2010 (RABU)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil termasuk hukuman- hukuman menerusi Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan untuk membanteras NGO-NGO tertentu yang sengaja membangkitkan sindrom "white terror" dengan menyebarkan maklumat yang tidak betul mengenai impak Radio Frequency Radiation (RFR) dan Electromagnetic Fields (EMF) yang berpunca daripada stesen-stesen pemancar telekomunikasi selular.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) prihatin terhadap kegusaran masyarakat tentang kesan radiasi yang dihasilkan oleh Frekuensi Radio (*RF*) dan Medan Elektromagnetik (*EMF*) dalam penggunaan perhubungan telekomunikasi tanpa wayar.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak SKMM telah mengadakan seminar kesedaran serta kempen pendidikan di seluruh negara di mana pakar-pakar daripada Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) telah dijemput untuk bersama-sama memberi pandangan ilmiah mereka dan penjelasan terhadap kesan radiasi.

Piawaian yang digunakan untuk Frekuensi Radio (*RF*) dan Medan Elektromagnetik (*EMF*) dari menara telekomunikasi adalah pada tahap yang dibenarkan kepada umum (*exposure limit for public*). Malaysia menggunakan piawai yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Sinaran Tak Mengion (*International Commission on Non-Ionising Radiation Protection, ICNIRP*) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di samping itu, Kementerian ini bersama SKMM telah mengambil beberapa langkah tambahan bagi memastikan semua peralatan

**pemancar dan *base station* syarikat-syarikat telekomunikasi selular adalah selamat. Antara langkah yang telah dibuat ialah:-**

- i. Setiap permohonan pembinaan menara telekomunikasi akan dimestikan (mandatori) mengemukakan bacaan emisi radiasi secara simulasi;
- ii. Membangunkan pangkalan data di SKMM bagi menyenaraikan bacaan tahap emisi radiasi menara dan struktur sistem pemancar bagi tujuan pemantauan; dan
- iii. Menjalankan ujian terhadap menara dan struktur sistem pemancar berpandukan piawaian pendedahan menggunakan peralatan pengujian yang dikalibrasi dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, Kerajaan telah memperkenalkan **Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002**.

Pada waktu tersebut, garis panduan ini telah diwujudkan secara bersama antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (KSTAS), Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK), Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan agensi- agensi serta NGO seperti Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM).

Meskipun penyebaran maklumat tidak tepat oleh pihak tertentu telah mengundang ketakutan dan kegusaran di kalangan rakyat, kajian dan pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian dan SKMM mendapati tiada pihak penyedia perkhidmatan yang telah melanggar had dedahan radiasi kepada umum bagi membolehkan tindakan diambil di bawah peruntukan sedia ada. Walau bagaimanapun, sekiranya ia berkaitan isu hasutan yang boleh mengganggu ketenteraman awam yang tertakluk di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Hasutan 1984, ia akan dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pada masa ini, masih belum ada sebarang tindakan yang bersabit dengan perkara ini.

NO. AUM: 58 NO.

AUP:52L

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]

**TARIKH** 23 JUN 2010

**RUJUKAN** 2748

**SOALAN:**

Dato' Ibrahim Bln Ali [ Pasir Mas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa pihak Polis menggunakan topeng dan senjata sub-

mesingan sewaktu menghalang DYMM Sultan Kelantan pada 4hb Mei 2010 yang dikatakan DYMM Sultan Kelantan akan dibawa Ke Singapura untuk membuat rawatan susulan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, tindakan yang dilakukan oleh pihak polis pada waktu itu adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan KDYMM Al-Sultan Kelantan secara maksimum semasa baginda dalam perjalanan untuk mendapatkan rawatan di hospital. Bagi mematuhi prosedur semasa menjalankan tugas dan tanggung jawab tersebut, sememangnya pihak polis perlu dibekalkan dengan kelengkapan seperti topeng (balaclava) dan senjata api.

**SOALAN NO: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN WONG HO LEN  
                                    [ SIBU ]**

**TARIKH                    23 JUN 2010**

## **SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sibu sepanjang pilihan raya kecil Sibu yang berakhir pada 16.5.2010 dan jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam kempen pilihan raya berkenaan.

### **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak pernah menjanjikan program/projek kepada rakyat semasa kempen Pilihanraya Kecil di seluruh negara termasuk di Parlimen Sibu. Program/projek yang dilaksanakan di kawasan pilihanraya kecil ini merupakan program/projek yang telah dirancang oleh Kerajaan terlebih dahulu sebelum pilihanraya kecil tersebut diadakan iaitu sama seperti di kawasan Parlimen dan DUN lain di seluruh negara. Bagi Pilihanraya Kecil Sibu, Kerajaan telah meluluskan 107 program/projek bernilai RM37.7 juta untuk dilaksanakan di seluruh kawasan Parlimen berkenaan. Peruntukan ini meliputi program/projek berbentuk fizikal, sumbangan / bantuan dan program kemasyarakatan. Ringkasan program/projek tersebut adalah seperti berikut:

#### **PROGRAM/PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN DI BAWAH PERUNTUKAN KHAS Y.A.B. PERDANA MENTERI BAGI KAWASAN PARLIMEN SIBU**

BIL	KATEGORI PROJEK	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN(RM)
1	SUMBANGAN	66	28,674,050.00
2	FIZIKAL	40	8,503,332.00
3	PROGRAM	1	550,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		107	37,727,382.00

**SOALAN NO: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                   **LISAN**

**DARIPADA**                   **DATUK CHUA SOON BUI  
[ TAWAU ]**

**TARIKH**                   **23 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN**

Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah bilangan pengguna Internet di Sabah iaitu di Tawau, Kota Kinabalu dan Sandakan pada 2008, 2009 dan 2010. Apakah peratus purata setiap tahun bagi gangguan perkhidmatan dan ketidak adanya perkhidmatan kepada pengguna-pengguna Internet di Sabah. Adakah Kementerian bercadang mengarahkan pembekal-pembekal perkhidmatan Internet supaya memulangkan bayaran pelanggan atas sebab mutu perkhidmatan yang rendah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan internet diukur berdasarkan kadar langganan isi rumah dan

maklumat penggunaan dan penembusan secara terperinci mengikut daerah serta mukim dipantau oleh Kerajaan bermula tahun 2010.

Jumlah langganan keseluruhan bagi negeri Sabah adalah 102,000 langganan manakala bilangan langganan jalur lebar isi rumah bagi suku pertama 2010 bagi daerah:

- a) Tawau 12,000;
- b) Kota Kinabalu: 39,500; dan
- c) Sandakan 11,800

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa menjalankan pemantauan ke atas semua penyedia perkhidmatan di setiap negeri secara sistematik dan berkala bagi memastikan penyampaian kualiti perkhidmatan yang memuaskan. Namun demikian, harus diakui masih terdapat kelemahan-kelemahan yang boleh diperbaiki oleh pihak penyedia perkhidmatan di Malaysia. Ini adalah kerana kualiti perkhidmatan Internet dan jalur lebar dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk yang di luar kawalan pihak penyedia perkhidmatan.

Pihak SKMM telah memperkenalkan “6 Amalan Baik Pengguna” di mana salah satu dari amalan yang ditekankan adalah pemberi perkhidmatan disarankan agar memberikan rebat kepada pengguna sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mencapai kualiti perkhidmatan yang dijanjikan.

Berdasarkan kepada Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia pula, ada dinyatakan prinsip-prinsip pampasan di

mana penyedia perkhidmatan mesti menawarkan pampasan kepada pelanggan dalam kes-kes pelanggaran Kod ini. Berdasarkan perkara ini, sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi Kod, pengguna boleh mendapatkan pulangan wang semula. Pematuhan kepada Kod ini adalah mandatori, yang merupakan sebagai salah satu daripada syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh SKMM.

Pengguna-pengguna yang mengalami gangguan perkhidmatan adalah disarankan untuk membuat laporan kepada penyedia perkhidmatan terbabit atau secara terus kepada SKMM melalui alamat emel [aduan@skmm.gov.mv](mailto:aduan@skmm.gov.mv) atau talian hotline 1 800 888 030.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                          BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA                          PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]**

**TARIKH                              23 JUN 2010 (RABU)**

**SOALAN                              55**

**Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah penyelesaian oleh Kerajaan Pusat terhadap isu tanah SRJK (C) Kim Sen di Bukit Mertajam yang terjejas disebabkan oleh projek keretapi trek berkembar.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah menilai kawasan yang terlibat dan membuat pengambilan balik tanah menurut peruntukan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486), di kawasan Sekolah Kim Sen pada tahap minima dan berdasarkan arahan pembayaran (Borang H) yang dikeluarkan oleh JKPTG Pulau Pinang selepas perbicaraan dijalankan.

Untuk makluman, sekolah ini terletak di atas tanah kepunyaan gereja The Titular

Catholic Bishop of Penang. Kos pengambilan balik tanah sebanyak RM853,643.00 telahpun dijelaskan kepada pihak gereja melalui cek bertarikh 4 Mac 2010.

Pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar ini hanya menjaskan sebahagian pagar milik sekolah Kim Sen (50 meter) yang mana pihak Kerajaan telahpun menyerahkan pembayaran pampasan sebanyak RM29,300.00 melalui cek bertarikh 4 Mac 2010.

Walau bagaimanapun, pihak sekolah telah menuntut pampasan tambahan pada 3 Mac 2010 seperti berikut:

Bil	Perkara	Tuntutan Sekolah
(i)	Membina pagar dan pintu pagar baru	RM50.000
(ii)	Membeli tanah untuk pintu pagar baru dengan keluasan 3500 kaki persegi	RM140.000
(iii)	Membina gelanggang bola keranjang baru	RM30.000
	Jumlah Besar	RM220.000

Kementerian ini tidak dapat memberikan pertimbangan kepada permohonan tambahan tersebut memandangkan amaun pampasan bagi pagar sekolah sebanyak RM29.300 telahpun ditetapkan oleh JKPTG berdasarkan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Untuk makluman Yang Berhormat juga, tiada sebarang bayaran boleh diberikan bagi kos pengambilan tanah atau menggantikan struktur yang tidak terlibat secara langsung dengan pembinaan projek ini.

**NO. SOALAN : 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI  
SALLEH [ KUANTAN ]**

**TARIKH**

**23 JUN 2010**

**SOALAN**

**SOALAN 20:**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah relevannya meletakkan gambar Datin Seri Rosmah Mansor, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia, bagi pihak Kerajaan Malaysia dalam dua halaman sebuah akhbar di US, *New York Times* yang dianggarkan menelan belanja sehingga RM580,000 hingga RM740.000 atau US\$180,000 hingga US\$230,000 seperti yang dilaporkan *The Nut Graph* pada 11 Mei 2010 lalu.

## **DATO' SERI MOHAMED NAJIBTUN RAZAK**

**JAWAPAN:            PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Iklan dua halaman yang dimaksudkan itu telah muncul di akhbar New York Times, semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat pada bulan April yang lalu. Isu ini timbul setelah sebuah portal berita membuat tuduhan kononnya pihak *New York Times* berkata iklan itu ditempah oleh kerajaan Malaysia. Ingin saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia dan mana-mana agensinya tidak terlibat sama sekali dengan iklan tersebut, sama ada dari segi perancangan, penempahan mahupun pembayaran.

Saya difahamkan bahawa iklan tersebut telah ditempah oleh sebuah NGO Amerika bersempena dengan anugerah yang mereka sampaikan kepada isteri YAB Perdana Menteri di atas kerja-kerjanya dalam hal ehwal kemanusiaan dan dalam memperjuangkan pendidikan kanak-kanak. Saya juga difahamkan bahawa NGO tersebut telah pun menulis surat dan membuat penjelasan kepada *New York Times* dan juga kepada portal berita yang menimbulkan isu ini, bahawa iklan tersebut tiada kena mengena sama sekali dengan Kerajaan Malaysia mahupun mana-mana ejen mewakilinya. Dengan itu saya kira soal kos kepada kerajaan tidak timbul dan perkara ini tidak lagi menjadi persoalan.



**NO. SOALAN : 57**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**      **LISAN**  
**DARIPADA**      **DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ] 23 JUN**  
**TARIKH**      **2010 (RABU)**

**NO. SOALAN**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan jelas objektif atau tujuan utama Kementerian untuk menempatkan semua Konsesi Tol seluruh Malaysia di bawah satu Badan atau Syarikat bagi mengurus lebuh raya Malaysia. Apakah kelebihan yang akan dinikmati oleh pengguna lebuh raya nanti.

**JAWAPAN :**

Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan pada 30 Jun 2010 daripada YB Jelutong dan pada 7 Julai daripada YB Wangsa Maju secara bersekali kerana ianya menyentuh mengenai perkara yang sama.

Kerajaan tidak meluluskan/menganugerahkan sebarang kontrak penswastaan kepada mana-mana syarikat swasta termasuk Asas Serba Sdn. Bhd. untuk mengambil alih operasi jalan tol daripada PLUS. Suka saya menarik perhatian dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak pernah menerima permohonan daripada Asas Serba Sdn. Bhd. untuk mengambil alih semua operasi lebuhraya bertol. Dalam hubungan ini, saya

telah memaklumkan jawapan tersebut dalam sidang Parlimen yang lepas (Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kedua belas) ketika menjawab soalan yang sama.

**NO. SOALAN : 57**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**